

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SAU216 - Globalisasi dan Budaya Siber

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SATU (1)** soalan di Bahagian I, jawab **SATU (1)** soalan di Bahagian II dan jawab **Soalan 7** di Bahagian III.

Bahagian I (30%)

Jawab **SATU (1)** soalan.

1. Mengapakah Sclove dan Scheuer membantah 'e-commerce'?
2. Apakah kritikan 'Luddite' tentang komputer? Apakah pandangan anda tentang kritikan ini?
3. Apakah faktor-faktor dalam doktrin penggunaan-munasabah (fair-use doctrine)? Apakah pandangan anda tentang doktrin tersebut?

Bahagian II (30%)

Jawab **SATU (1)** soalan.

4. Bincangkan ideologi-ideologi utama yang mendokong syarikat transnasional (TNCs).
5. Apakah batasan permasalahan jurang digital dalam konteks globalisasi dan peranan TNC?
6. Bincangkan lima faktor yang menyumbang ke arah pertembungan tamadun menurut Huntington.

Bahagian III (40%)

7. Pilih **LIMA (5)** daripada perkara berikut. Untuk setiap satu, terangkan dengan ringkas konsep dan teori berkaitan dan berikan signifikannya.
 - (a) Sinki karbon (carbon sink)
 - (b) Pemampatan masa dan ruang
 - (c) Harta intelektual
 - (d) Glokalisasi

- (e) Definisi TNC menurut Cohen dan Kennedy
- (f) Teori Sistem Dunia (World-System Theory)
- (g) Creolisasi (Creolization)
- (h) Isu teras globalisasi menurut buku 'Achieveing True Globalization'
- (i) McDonaldisasi
- (j) Keganasan ekonomi (Economic terrorism)